



15 JUN, 2026

Tunggu kelulusan Indonesia

Suara Sarawak, Malaysia



KABEL DASAR LAUT SARAWAK, JOHOR

Tunggu kelulusan Indonesia

ASYRAF HALIM

“
Kita sudah menghantar surat dan apabila persetujuan diperoleh, semua pihak yang terlibat akan menjalankan kajian dasar laut bagi menentukan laluan kabel dari Sarawak ke Johor.”

KUCHING: Projek kabel dasar laut yang bakal menghubungkan grid kuasa Sarawak dengan Johor kini menunggu persetujuan Indonesia bagi membolehkan kajian laluan dasar laut dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof berkata, kira-kira 60 hingga 70 peratus laluan kabel yang dicadangkan itu akan melalui perairan Indonesia, justeru kelulusan negara berkenaan diperlukan sebelum kajian teknikal dapat dijalankan.

“Kita masih menunggu kelulusan untuk laluan kerana 60 hingga 70 peratus projek ini melalui perairan Indonesia.”

“Kita sudah menghantar surat dan apabila persetujuan diperoleh, semua pihak yang terlibat akan menjalankan kajian dasar laut bagi menentukan laluan kabel dari Sarawak ke Johor,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baharu Surau Nurul Muslimin di Kampung Sungai Bedil Besar, semalam.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, projek itu sebahagian daripada perancangan lebih besar untuk memperkuatkan integrasi rangkaian tenaga serantau menerusi ASEAN Power Grid.

“Usaha itu diselenggarakan oleh



SIMBOLIK... Fadillah Yusof memotong reben sebagai simbolik perasmian bangunan baharu Surau Nurul Muslimin di Kampung Sungai Bedil Besar, semalam. |Foto RAMIDI SUBARI

Pusat Tenaga ASEAN (ACE) yang berperanan menyelaraskan pialwaan dan keperluan teknikal berkaitan penghantaran bekalan tenaga merentasi sempadan negara anggota ASEAN.

“Rangkaian grid sedia ada kini telah menghubungkan Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura, manakala di Borneo, Sarawak telah dihubungkan dengan

Kalimantan Barat dan Sabah,” katanya.

Beliau berkata, sambungan kabel dasar laut dari Sarawak ke Johor akan menjadi antara komponen penting dalam merealisasikan rangkaian tenaga ASEAN yang lebih bersepadu pada masa hadapan.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, Sarawak dijangka

dihubungkan dengan Brunei pada masa hadapan, sekali gus membentuk Grid Borneo sebelum rangkaian itu diperluas ke wilayah lain di Indonesia serta Filipina.

Tambahnya, Sarawak juga perlu terus menaik taraf sistem gridnya bagi memastikan keupayaan menampung keperluan rangkaian tenaga serantau yang semakin berkembang.